

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menempatkan doktor pakar kanak-kanak dan E.N.T di Labuan bagi menangani permasalahan perubatan berkaitan yang kini menjadi rungutan ramai penduduk Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Labuan ialah Hospital Daerah Pakar Minor yang mempunyai 109 buah katil dan *Bed Occupancy Rate* (BOR) hingga September 2015 adalah 52.05 %.

Pada masa ini, terdapat seramai lapan (8) orang Pegawai Perubatan Pakar yang sedang berkhidmat di Hospital Labuan termasuk seorang Pegawai Perubatan Kanak-Kanak (Pediatrik). Perkhidmatan kepakaran ENT di Labuan buat masa ini diberikan oleh pakar pelawat (*visiting specialist*) (dengan izin) dari Hospital Queen Elizabeth secara berkala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar seperti berikut:

- (i) Menambahkan slot tajaan bagi program sarjana kepakaran perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 slot mulai sesi 2010/2011, 800 slot mulai sesi 2011/2012, dan kini slot tajaan tersebut ditingkatkan lagi kepada 1,000 bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan itu, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat ditempatkan di Sabah dan Sarawak demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara;
- (ii) Peningkatan peluang mengikuti latihan kepakaran, dengan melalui program parallel, iaitu *Membership Programme* (dengan izin) yang merupakan program latihan kepakaran luar negara tetapi latihan dan peperiksaan boleh diikuti sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya dalam Negara;
- (iii) Bagi menggalakkan lebih ramai pakar berkhidmat di pedalaman/luar bandar, penempatan di negeri Sabah dan Sarawak dibuat secara giliran untuk tempoh minimum 1 tahun;

- (iv) Memperluaskan konsep hospital kluster bagi tujuan perkongsian sumber manusia, fasiliti dan beban tugas di fasiliti kesihatan;
- (v) Seterusnya, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk mengekalkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar agar dapat ditempatkan ke negeri Sabah dan Sarawak seperti berikut:
 - a. Melantik Pegawai Perubatan Pakar di kalangan bukan warganegara secara kontrak untuk berkhidmat dengan KKM;
 - b. Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM;
 - c. Mengambil perkhidmatan Pegawai Perubatan Pakar swasta secara sesional; dan
 - d. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.